

Presiden UMNO

Mahathir dicalon oleh 34 Bahagian

KUALA LUMPUR, Selasa — Sebanyak 34 dari 42 Bahagian UMNO yang mengadakan mesyuarat selepas pengumuman Datuk Hussein Onn tidak bertanding untuk jawatan Presiden parti itu mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk jawatan tersebut.

Dari baki 8 Bahagian lagi, 6 Bahagian masih mencalonkan Datuk Hussein termasuk Bahagian Sri Gading.

Bahagian Petaling mencalonkan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris sementara Bahagian Permatang Pauh, Pulau Pinang tidak mengemukakan calonnya.

Dari jumlah 72 Bahagian yang mengadakan mesyuarat sebelum 15 Mei, 66 Bahagian mencalonkan Datuk Hussein sebagai Presiden UMNO.

Bagaimanapun tiga bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pilihan mereka sementara Bahagian Setapak mencalonkan Datuk Harun Idris.

Tiada pencalonan dibuat oleh UMNO Bahagian Kuala Krai manakala pencalonan dari Bahagian Rantau Panjang tidak diperelehi.

Sebanyak 11 dari 66 bahagian yang mencalonkan Datuk Hussein mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pengganti.

Sementara itu Datuk Hussein tetap dengan pendiriannya menolak pencalonan itu.

Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar

berkata, Ibupejabat UMNO telah menerima jawapan dari Datuk Hussein menyatakan beliau menolak pencalonannya sebagai Presiden UMNO.

"Dari surat dan ayat yang begitu tertib itu, saya dapat mentafsirkan bahawa Datuk Hussein tidak akan menarik balik keputusannya yang dibuat pada 15 Mei lalu meskipun semua ahli UMNO mahu beliau supaya mengubah sikap.

"Saya yakin Datuk Hussein tidak akan berganjak dengan keputusan yang dibuat itu," tegas Datuk Mustafa lagi.

Tekanan

Beliau berkata keputusan yang dibuat oleh Datuk Hussein itu bukanlah kerana tekanan politik tetapi atas alasan kesihatan.

"Oleh itu, Datuk Hussein tidak mungkin mengubah pendiriannya," kata Datuk Mustafa.

Dengan keputusan Datuk Hussein itu, bermakna dua calon lagi masih belum memberi jawapan mereka sama ada bertanding atau tidak jawatan Presiden. Calon berkenaan ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Harun Idris.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO bagaimanapun dijangka menang tanpa bertanding.

Datuk Mustafa memberitahu setakat ini 80 dari 114 Bahagian UMNO sudah menghantar pencalonan masing-masing.

Bahagian-bahagian UMNO yang belum menghantar pencalonannya hanya tinggal enam hari sahaja lagi untuk berbuat demikian. Pencalonan ditutup pada hari Ahad 31 Mei ini.

Beliau menjelaskan Ibupejabat UMNO menerima empat pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden, 14 pencalonan untuk jawatan Naib Presiden dan 105 untuk Majlis Tertinggi.

Katanya, dua dari 14 calon Naib Presiden sudah menjawab pencalonannya manakala untuk jawatan Majlis Tertinggi pula seramai 41 dari 105 orang.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap seramai 11 orang dicalonkan manakala Timbalannya pula seramai 16 orang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia